



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1985) 1986
DR.4/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1986.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua ribu sembilan puluh sembilan juta lima ratus sembilan ribu lima ratus enam puluh ringgit (\$2,099,509,560) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1985, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1985 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1985 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1985 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1985.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1985.

Akta A604.

Akta A623.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 2 ...	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja	\$ 183,200
B. 5 ...	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1,034,100
B. 13 ...	Kementerian Kehakiman	2,350,200
B. 29 ...	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	54,056,100
B. 30 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,000,000,000
B. 33 ...	Kementerian Perusahaan Awam ...	35,000,000
B. 35 ...	Kementerian Dalam Negeri ...	2,500,000
B. 38 ...	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan ...	55,460
B. 45 ...	Jabatan Penyiaran	200,500
B. 48 ...	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	130,000
B. 61 ...	Kementerian Kerja Raya	4,000,000
JUMLAH ...		\$2,099,509,560

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1985 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Perbelanjaan Mengurus Persekutuan 1985 dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1985 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1985) 1985 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1373.]